

16 JUN 1999

Mahathir-Pelajar

KELAB UMNO DI IPTA TAK WAJAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata Kelab Umno tidak wajar ditubuhkan di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan kerana kerajaan mahu pelajar menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Katanya sekiranya kelab itu seperti yang ada di luar negara dibenarkan wujud di IPT tempatan, beliau yakin parti lain juga mahu menubuhkan kelab parti mereka sendiri dan tindakan itu akan hanya menjejaskan penumpuan pelajar pada pelajaran kerana mereka asyik "berperang pasal politik saja".

"Kelab Umno di luar negara, kita tidak ada kuasa sama sekali. Kelab parti lain juga ada (di luar negara)," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita selepas majlis taklimat presiden kepada perwakilan Umno menjelang perhimpunan agung ke-53 parti itu esok, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau sebelum itu ditanya mengenai kemungkinan membenarkan pelajar IPT menubuhkan Kelab Umno seperti Kelab Umno di luar negeri.

Dr Mahathir berkata tujuan kerajaan tidak membenarkan pelajar negara ini membabitkan diri dalam politik bukanlah bermakna mereka itu tidak ada kebolehan dalam politik.

"Kita hendak mereka tumpukan kepada pelajaran. Bukannya kita berpendapat mereka tidak ada kebolehan tetapi mereka ada masa depan yang panjang," katanya.

Mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti, para pelajar dilarang melibatkan diri dalam politik.

Dr Mahathir berkata Umno sebagai tulang belakang kepada kerajaan yang memerintah akan terus mendekati pelajar IPT dan menjelaskan peranan mereka sebagai pelajar.

"Kalau sudah berjaya, mereka boleh ambil bahagian dalam politik. Ketika di universiti, rakyat membiayai mereka untuk belajar (dan) bukan untuk kegiatan lain sehingga boleh menjejaskan pencapaian mereka dalam pelajaran."

Rakyat rela memberi wang kerana rasa bertanggungjawab terhadap generasi akan datang, kata Perdana Menteri. (Pembiayaan pengajian tinggi di Malaysia mendapat subsidi yang banyak daripada kerajaan bagi menurunkan kos, sementara pelajar miskin diberi biasiswa atau pinjaman.)

Perdana Menteri juga berkata walaupun Umno mendapat sokongan rakyat namun beliau berpendapat generasi muda tidak rapat dengan Umno.

"Kita dapati sebahagian generasi muda tidak rapat dengan Umno kerana kita buat satu kesalahan. Sebab kita nak mereka tumpukan pada pelajaran jadi kita tak ganggu mereka dalam bangkitkan soal-soal politik. Tetapi parti lawan menggunakan peluang berjumpa penuntut universiti sehingga mereka (pelajar) benci Umno."

Menurut beliau, pelajar di universiti telah dihasut dan pemikiran mereka dibentuk untuk membenci Umno.

"Mereka (parti lawan) menghasut supaya jangan berterima kasih kepada yang menolong mereka sebaliknya menghentam pihak yang menolong mereka," katanya.

Beliau juga berkata mereka yang meninggalkan Umno adalah golongan yang bukannya anggota Umno yang tulen.

"Mereka yang keluar daripada Umno adalah mereka yang bukan anggota sejati Umno. Mereka orang luar dengan agenda tersembunyi, menyertai Umno dengan harapan dapat mengambil alih Umno."

Dr Mahathir turut membidas anggapan golongan yang mengatakan ramai yang memasuki Umno untuk menjadi kaya.

"Banyak orang Umno yang sangat miskin. Ramai anggota keluarga saya miskin. Jadi saya tidak suka dengan tanggapan yang "anda sertai Umno untuk jadi kaya". Tetapi ada juga orang dalam Umno yang menjadi kaya. Saya boleh menamakan anda orang-orang yang bukan anggota Umno tetapi kaya raya termasuk mereka yang menentang Umno."

"Jadi menyertai Umno tidak bermakna anda akan menjadi kaya. Anda akan menjadi kaya hanya apabila anda tahu membuat duit bagi diri sendiri dan bukan kerana anda anggota Umno. Saya boleh menunjukkan anda beribu-ribu orang, bukan anggota Umno yang telah mendapat manfaat daripada pembangunan negara ini," katanya.

Sementara itu ketika ditanya mengenai taklimat yang diberikan kepada perwakilan, Dr Mahathir berkata beliau mengulas sejarah perjuangan Umno menuntut kemerdekaan dan bagi bangsa Melayu.

"Saya buat perbandingan apa yang berlaku pada parti yang berjuang untuk kemerdekaan di negara lain. Kalau tak jaga-jaga mereka akan hilang sokongan," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa Umno mesti selalu menentukan bahawa perjuangan parti difahami rakyat.

"Kita harus menentukan bahawa rakyat sentiasa dekat dengan kita dan kita dekat dengan mereka," katanya.

Ketika ditanya apakah persiapan pilihan raya dibincangkan dengan perwakilan, beliau berkata, "tidak".

-- BERNAMA

NZ PR